

## **SOALAN LAZIM (FAQ) BANTUAN RAKYAT 1MALAYSIA (BR1M) 2017**

### **RAYUAN**

- 1. S: Saya telah menerima Surat Makluman Tidak Lulus. Bilakah rayuan bermula?**

J: Rayuan boleh dibuat di Cawangan / Pusat Khidmat Hasil (PKH) / *Urban Transformation Centre* (UTC) LHDNM yang berhampiran **bermula 03 April 2017 sehingga 31 Mei 2017** (tertakluk pada pindaan).
  
- 2. S: Saya tidak lulus disebabkan maklumat pendapatan pemohon / pasangan / tanggungan perlu pengesahan dan penyata bank diperlukan. Bayaran perlu dibuat bagi mendapatkan penyata berkenaan di bank. Adakah boleh sekiranya penyata bank tersebut tidak dikemukakan?**

J: Tuan perlu mengemukakan penyata bank berkenaan untuk pengesahan pendapatan dan pertimbangan semula kelulusan rayuan mengikut syarat kelayakan yang telah ditetapkan. Sebarang kos yang perlu dibayar bagi setiap dokumen yang perlu dikemukakan semasa tempoh rayuan adalah ditanggung oleh pemohon sendiri.
  
- 3. S: Permohonan saya berstatus kahwin dan tidak lulus kerana pasangan saya telah membuat permohonan / kemas kini BR1M 2017 sebagai Ibu Bapa tunggal / Bujang dan lulus RM450. Adakah rayuan tambahan saya boleh diluluskan?**

J: Rayuan tambahan tuan tidak boleh dipertimbangkan kerana pasangan telah lulus dan melaporkan maklumat tidak tepat semasa permohonan.
  
- 4. S: Permohonan saya berstatus kahwin dan tidak lulus kerana pasangan saya telah membuat permohonan sebagai Ibu Bapa tunggal / Bujang dan lulus RM450. Apa yang perlu saya lakukan kerana status sebenar saya adalah berkahwin?**

J: Tuan perlu membatalkan permohonan pasangan yang berstatus bujang pada BR1M akan datang kerana bantuan BR1M yang layak diterima adalah bagi seorang ketua isi rumah sahaja.
  
- 5. S: Saya gagal mengemukakan dokumen pengesahan pendapatan seperti yang diminta dalam Surat Makluman Lulus BR1M 2017 yang diterima. Adakah saya masih layak untuk menerima baki bayaran Fasa 2 dan Fasa 3 BR1M 2017?**

J: Sekiranya tuan tidak mengemukakan dokumen pengesahan pendapatan dalam tempoh rayuan BR1M 2017, tuan tidak layak untuk menerima baki bayaran Fasa 2 dan Fasa 3 BR1M 2017 walaupun telah menerima kelulusan awal sebelum ini.

6. **S: Semakan mendapati permohonan rayuan saya berstatus Permohonan Ditolak. Adakah saya boleh mengemukakan semula dokumen sokongan yang diperlukan bagi membolehkan rayuan saya dipertimbangkan semula?**

J: Sekiranya permohonan tuan telah diproses dan mempunyai kelulusan, rayuan semula dengan mengemukakan dokumen sokongan adalah tidak dibenarkan walaupun masih dalam tempoh rayuan. Ini kerana kelulusan rayuan BR1M adalah MUKTAMAD.